


Buletin FKA

PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

EDISI 2022



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2023



Asian International Arbitration Centre (Malaysia) (AIAC) Roadshow 2022 – Penang

Oleh: Khairul Ammar bin Muhammad Ali dan Amalina Amirah binti Abu Bakar

Butterworth, 1 Disember 2022 - Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) atau lebih dikenali sebagai Asian International Arbitration Centre (Malaysia) ("AIAC") telah mengadakan "AIAC Roadshow 2022 – Penang" bertempat di Royale Chulan Penang. Siri jelajah ini bertujuan memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan serta ciri-ciri yang menjadikan AIAC sebagai salah sebuah institusi timbang tara yang mapan.

Pihak AIAC telah memperbaharui dan menambah baik Kaedah-Kaedah Timbang Tara AIAC 2021 dan Kaedah-Kaedah Timbang Tara-i AIAC 2021. Pembaharuan ini bertekad untuk mengemaskini dan memperkenalkan komponen-komponen baru yang penting dalam penyelesaian pertikaian secara khususnya melalui kaedah-kaedah timbang tara, timbang tara-i, adjudikasi dan pengantaraan. Sehubungan dengan itu, para pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam telah dijemput untuk didekah dengan lebih dalam proses-proses yang terlibat di dalam pembicaraan adjudikasi (CIPAA 2012) dan timbang tara.



AIAC Roadshow 2022 – Penang

Proses timbang tara merupakan satu proses yang amat penting bagi mereka yang terlibat dengan industry pembinaan. Ianya merupakan satu alternatif penyelesaian konflik diantara pihak yang bertikai. Walaupun terdapat keluasan terhadap isu yang dibincangkan melalui system timbang tara ini, namun industry pembinaan mempunyai pengkhususan tersendiri apabila melibatkan pertikaian yang dilibatkan dalam system timbang tara ini. Oleh kerana itu, pemain-pemain industry seharusnya mengambil cakna terhadap sebarang perubahan dan penambahbaikan terhadap system yang dilakukan.

